

Abstrak

Islam adalah agama yang syumul dari segenap aspek kehidupan termasuklah dalam bidang-bidang pendidikan. Kesinambungan ajaran Islam dalam konteks ilmiyah ini adalah hasil daripada usaha dan semangat jitu yang dilakukan oleh ulama terdahulu. Peranan mereka cukup besar dalam perkembangan Islam di Nusantara. Kepakaran dan kebolehan mereka dalam bidang-bidang ceramah dan penulisan adalah merupakan metod yang amat berkesan dalam perkembangan ilmu-ilmu Islam sehingga ke hari ini. Justeru menjadi satu kewajipan kepada generasi kini mengetahui peringkat awal penyebaran ilmu-ilmu Islam.

Penulisan ini juga cuba meryingkap salah satu cabang ilmu-ilmu Islam iaitu ilmu hadith. Persoalannya, sejauh manakah keprihatinan dan kepekaan kita terhadap ilmu ini dan apakah kepentingan mengetahui hadith dan sumbernya. Seringkali umat Islam dide dahukan dengan pelbagai maklumat mengenai penyelewengan maksud-maksud hadith dan penolakan hadith. Rentetan daripada itu timbullah golongan anti hadith yang bukan sahaja menyesatkan dirinya malah menyesatkan orang lain. Fenomena ini akan terus berlaku akibat daripada kejahilan manusia dalam mengetahui tentang ilmu periwatan hadith dan naqalan hadith.

Kajian ini cuba membuka mata dan hati masyarakat umum tentang cara periwatan hadith agar dapat mengetahui hukum hadith tersebut yang memberi kesan dan panduan kepada kehidupan seharian. Di sivilah dapat membuktikan bahawa hadith ini sebagai penjelasan dan pencerang kepada al-Quran.

Pemfokusan kajian adalah kepada salah satu ilmu hadith iaitu ilmu *takhrīj* yang melibatkan rujal hadith. Satu ilmu yang boleh dikategorikan sebagai ilmu yang kurang diberi perhatian dan jarang diketahui umum, akan tetapi iaanya mempunyai kepentingan dan keistimewaan yang cukup besar. Penghayatan terhadap ilmu ini sebenarnya perlu diberi penekanan dan perhatian secara terperinci supaya kita dapat berpegang dengan penuh keyakinan terhadap hukum-hakam yang diriwayatkan dalam hadith seterusnya dapat memilih di antara hukum-hakam yang lebih tepat.

Abstract

Islam is a way of life that includes education. Education was spread by ulamas who were very dedicated and courageous. They were very good writers and speakers, thus enabling knowledge to spread effectively especially in South East Asia. Hence, it is our duty to study how knowledge was spread.

This article is trying to delve on one of the Islamic knowledges that is hadith. The question is how sensitive we are to this subject and its resources. Muslims most of the time are exposed to the false hadiths. This lead to the emergence of the anti hadith group. They are the one who are responsible to mislead others. This phenomenon is longlasting due to the ignorance of people on the subject of hadith.

This article also tries to enlighten our society to be aware of the “*takhrij*” of hadith and how it has influenced our daily lives. Thus it shows that hadith clarify and complement the Quran.

The focus of this study is on one of the aspect of hadith, that is “*takhrij*” including the “*rijal*” of hadith. Though it is sort of left over of hadith, its roles are prominent and exceptional in our lives. The understanding of this subject should be emphasized and stressed upon thoroughly so that we can understand more the principles of a religion as mentioned in the hadith thus enabling us to choose the right path.